

mengatasi masalah banjir selain untuk memperbaiki taman bandaran dan projek landskap.

Apakah perancangan baharu MBMB pada tahun 2020?

MANSOR: Mengenai penambahan baharu MBMB tahun depan, kita akan menyediakan sejumlah peruntukan untuk meningkatkan sistem lampu isyarat dan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV). Menerusi bajet, kita juga memperuntukkan RM2 juta untuk mempertingkatkan sistem lampu isyarat kepada lampu isyarat pintar terutama di lokasi sering kali sesak seperti di persimpangan Kota Syahbandar dan Kota Laksamana.

Dalam masa sama, MBMB juga memperuntukkan RM2 juta lagi untuk mempertingkatkan sistem CCTV di kawasan tumpuan. Boleh dikatakan berbanding tahun 2019, bajet pembangunan MBMB untuk tahun 2020 ada kenaikan memandangkan pendapatan daripada cukai kita turut meningkat.

Inisiatif MBMB menceriaikan papan tanda di kawasan tumpuan pelancong?

MANSOR: MBMB mengambil inisiatif menjenamakan semula sebanyak 24 papan tanda di dalam kawasan teras konservasi Tapak Warisan Dunia Bandaraya Melaka Bersejarah menggunakan lima tulisan berbeza.

Pemasangan papan tanda membabitkan lima jenis tulisan iaitu rumi, jawi dan tiga bahasa utama Melayu, Cina dan India. Kita yakin mampu memberi tarikan baharu kepada kawasan bersejarah itu.

Papan tanda lama hanya terdapat tiga tulisan dan ia diberi nafas baharu dengan penambahan tulisan Cina dan Tamil sekali gus sesuai dengan kepelbagaian etnik yang menjadi simbol kepada negeri ini.

Pada awalnya, MBMB memasang sebuah papan tanda seumpama itu di Jalan Tukang Emas pada tahun lalu dan mendapat maklum balas positif sebelum menaikkan kesemua papan tanda yang diganti dengan pelbagai tulisan.

Kerja pemasangan itu dilakukan secara berperingkat mulai September dan siap dipasang pada 14 November lalu dengan menelan kos sebanyak RM6,000.

Apakah inisiatif atau pelan jangka panjang agar Melaka tidak terus dihantui dengan isu kesesakan lalu lintas?

BMB memperuntukkan sebanyak 22 peratus daripada bajet 2020 membabitkan perbelanjaan dianggarkan berjumlah RM40 juta hingga RM50 juta termasuk infrastruktur seperti jalan, perparitan, bangunan dan landskap. - Mansor

MANSOR: Kita melihat sebarang aduan atau permasalahan sebagai satu peluang untuk meningkatkan perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk dan pengunjung Bandaraya Melaka Bersejarah.

Tahun 2019 merupakan Tahun Melawat Melaka dan kerajaan negeri menyasarkan seramai 20 juta kemasukan pelawat hingga hujung Disember ini.

Tahun 2020 merupakan Tahun Melawat Malaysia, saya percaya lebih ramai pelancong sama ada domestik mahupun pelancong luar negara akan datang ke negeri ini.

Satu kelebihan Bandaraya Melaka kerana terdapat banyak peninggalan bangunan bersejarah ataupun monumen yang secara tidak langsung mempromosikan negeri itu sendiri.

Sektor pelancongan merupakan ekonomi utama bagi negeri Melaka di samping kemasukan pelabur asing dan kerana kelebihan itu, saya yakin berlaku peningkatan angka kemasukan ke negeri ini.

Untuk makluman, pengurusan lalu lintas MBMB sentiasa mengambil langkah yang lebih baik dan sistematik termasuk mewujudkan Sistem Pintar Kawalan Trafik-MBMB (SPIKTRA-M) melibatkan lima zon seperti Jalan Ong Kim Wee sehingga Jalan Kota Laksamana.

Kerja-kerja bagi tahun 2020 pula, melibatkan Zon 1 sehingga Zon 4.

Walau bagaimanapun, bagi menjalin satu rangkaian yang lebih sistematik dan pintar, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) juga mewujudkan sistem *greenwave* melibatkan tujuh persimpangan dari persimpangan Ayer Keroh sehingga persimpangan Masjid Al-Azim, Bukit Palah.

Sementara Fasa Dua melibatkan Lebuh Alor Gajah-Melaka Tengah-Jasin (AMJ) dengan tiga peringkat.

Selain itu, MBMB juga menyediakan sistem parkir yang sangat kompetitif di mana terdapat 146,000 jumlah lot parkir dalam kawasan bandaraya.



Mansor (dua,kanan) dan Adly (empat,kanan) ketika Karnival #IniRumahKita Dun Bukit Katil di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Katil baru-baru ini.

Perjelas kontroversi lukisan mural

Boleh berikan pencerahan mengenai kontroversi lukisan mural di dinding Stadium Tun Fatimah hingga tular di media sosial baru-baru ini?

MANSOR: Sebenarnya, ia adalah sebuah lukisan mural berimejkan kombinasi Jalur Gemilang dan Bendera Melaka yang diilhamkan dan dilukis sendiri oleh peserta Pertandingan Fiesta Mural sempena Sambutan Ulang Tahun ke-16 Bandaraya Melaka Bersejarah yang telah diadakan di Taman Bandaraya Bukit Serindit, Melaka pada Mei lalu.

Bagaimanapun, mural itu mengundang kekeliruan dalam kalangan warga bandaraya. Untuk pengetahuan, imej bendera yang dilukis merupakan imej bendera Melaka yang sebenar dan pelukis menghasilkan imej yang menggambarkan susunan Jalur Gemilang yang dikibarkan bersama Bendera Melaka bagi menghormati lagi hasil karya seni pelukis.

Namun bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan warga bandaraya, MBMB memohon pelukis mengubah semula hasil karya seni itu.

Pihak kami juga ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan warga bandaraya dan berharap hubungan dua hala itu digunakan melalui saluran yang betul. Sebarang isu yang ditularkan perlulah memberi gambaran yang betul dan pihak yang menularkan perlu bertanggungjawab di atas laporan yang dibuat.

Melalui Kempen #IniRumahKita, berapa kos MBMB tmperuntukkan bagi tujuan pembersihan?

MANSOR: Untuk menyemai dan menyemarakkan Kempen #IniRumahKita, MBMB telah membuat pelbagai hebah, penekanan serta program secara meluas supaya semua pihak ambil peduli dan mempunyai sikap kepunyaan terhadap kawasan sekitar dan negeri Melaka.

Tujuannya supaya rakyat sentiasa berada di dalam keadaan bersedia untuk menerima pelancong.

MBMB telah membelanjakan sebanyak RM34 juta setahun (RM 2.83 juta sebulan) untuk membersihkan kawasan di bawah pentadbiran MBMB.

Seiring dengan hasrat ataupun laungan Ketua Menteri Melaka sendiri baru-baru ini, #IniRumahKita yang menjurus kepada kepentingan menjaga kebersihan serta keindahan Melaka, MBMB berharap semua pihak daripada pelbagai peringkat, baik yang muda mahupun berusia bersama-sama berganding bahu membantu kerajaan negeri memperkayakan kempen supaya ia bukannya satu laungan sahaja tetapi menjadi tanggungjawab dipikul bersama demi kesejahteraan dan kelestarian warga bandaraya.

Apakah Harapan Datuk sebelum tahun 2019 melabuhkan tirainya?

MANSOR: Saya percaya lebih ramai pelancong sama ada domestik ataupun pelancong warga asing datang ke Melaka.

Satu kelebihan Bandaraya Melaka kerana terdapat banyak peninggalan bangunan bersejarah ataupun monumen yang secara tidak langsung mempromosikan negeri Melaka itu sendiri.

Sektor pelancongan merupakan ekonomi utama bagi negeri Melaka di samping kemasukan pelabur asing.

Oleh itu, saya percaya akan berlaku peningkatan kepada angka kemasukan pelancong ke negeri Melaka tidak kira melalui jalan darat, udara mahupun laut.

Satu lagi cabaran besar yang perlu diatasi adalah untuk mendidik masyarakat serta pelancong untuk menjaga dan mempertingkatkan tahap kebersihan di Negeri Melaka.

Selain aspek kebersihan, kita di MBMB purata sehari menerima sehingga 10 aduan yang membabitkan perkhidmatan perbandaran dan sehingga kini MBMB telah menerima sebanyak 3,265 aduan melibatkan pelbagai kategori dan kompleksiti.

MBMB amat berharap aduan-aduan yang diterima dapat diselesaikan sebaiknya.

Harapan saya juga semoga Bandaraya Melaka Bersejarah mengekalkan pengiktirafan tapak warisan dunia oleh UNESCO seiring pembangunan yang dirancang oleh kerajaan negeri dan MBMB.



Bangunan MBMB yang tersergam di Jalan Ayer Keroh Lama.